

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 17 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kriteria dan formula yang digunakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ketika membuat persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya Parlimen dan negeri pada tahun ini yang didakwa berat sebelah dan menimbulkan kesangsian.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri, SPR akan melihat secara keseluruhan persempadanan di seluruh Negara termasuklah di Negeri-Negeri yang tiada perubahan bahagian pilihan raya dalam urusan kajian semula persempadanan sebelum ini.

Perkara yang diambil kira dalam membahagikan mana-mana unit kajian kepada bahagian-bahagian pilihan raya adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (i) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;

- (ii) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (iii) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (iv) Memelihara hubungan tempatan.

Sekian, terima kasih.